

| | |
|-----------|------------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 6 SEPTEMBER 2016 |

Pertemuan Dr Mahathir, Anwar cetus persoalan

BH- 6/9/2016

➔ Tindakan bekas PM dilihat sebagai satu usaha terdesak teruskan agenda peribadi

Oleh Rohaniza Idris dan Ahmad Johari Mohd Ali
bhnews@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Pertemuan Tun Dr Mahathir Mohamad dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas 18 tahun memecat bekas anak didiknya daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 1988, menimbulkan persoalan mengenai niat sebenar bekas Perdana Menteri itu.

Ini kerana ia dilakukan ketika Dr Mahathir sedang mengetuai kempen menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Tambahan pula, Dr Mahathir sendiri yang memecat Anwar selepas mendapati beliau terbabit dalam salah laku moral dan tidak layak menjadi pemimpin.

Dalam sidang media di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 1998 seperti yang dilaporkan media, Dr Mahathir berkata: "Saya menganggap Anwar tidak layak untuk menerajui negara ini bukan disebabkan oleh soal politik, pertentangan pendapat dengan saya atau ekonomi tetapi disebabkan moralnya yang rendah.

"Perbuatan yang dilakukan oleh Anwar tidak dapat diterima oleh saya, tidak dapat diterima oleh parti saya dan tidak dapat diterima

oleh negara ini."

Semalam mereka bertemu dan berbincang selama kira-kira 20 minit di bilik saksi Kompleks Mahkamah Jalan Duta di sini. Dr Mahathir tiba di ruang mahkamah pada jam 2.50 petang dan dilihat bersalaman sebaik sahaja Anwar tiba diiringi pegawai penjara untuk kes samannya mencabar pelaksanaan Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 (Akta MKN).

Tak mampu gugat BN, UMNO

Ketua Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan, Mohamad Razlan Mohamad Rafii berpendapat pertemuan mengejutkan itu menunjukkan Dr Mahathir mahu gunakan Anwar untuk menjatuhkan Najib selepas menyedari gerakannya di bawah Parti Pribumi Bersatu Malaysia tidak mampu menggugat Barisan Nasional (BN) dan UMNO.

"Tambahan pula, gandingannya bersama Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak menampakkan kejayaan selepas Ahli Parlimen Pagoh itu sendiri tidak mendapat banyak sokongan.

"Bagi kita, walaupun Dr Mahathir mendakwa pertemuan itu tidak bermakna beliau berdamai dengan Anwar, ia adalah usaha terdesak beliau untuk meneruskan

agendanya," katanya.

Penganalisis politik, Dr Kamarul Zaman Yusoff berkata, tindakan Dr Mahathir hanya lakonan bagi mendapatkan sokongan penyokong Anwar yang masih belum mempercayainya.

"Rakyat tahu Dr Mahathir pernah memaki hamun Anwar, malah menyatakan Anwar tidak bermoral dan tidak boleh dipercayai.

"Jelas Dr Mahathir mengambil langkah matlamat menghalalkan cara. Yang penting niatnya menjatuhkan Najib walaupun bersekolong dengan Anwar dan terpaksa menjilat balik ludah sendiri," katanya

Dr Mahathir ketika ditemui pula berkata, kehadirannya bagi mengikut perkembangan kes itu dan menafikan mahu berdamai dengan Anwar.

Ditanya adakah beliau menyokong Anwar sekiranya pembangkang memerintah, Dr Mahathir berkata: "Ia terlalu awal."

Anwar pula melahirkan penghargaan terhadap kesudian Dr Mahathir hadir dan menyokong kes saman itu, manakala Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail pula mengakui kehadiran Dr Mahathir agak mengejutkan.